

Apa Itu AIDS?

AIDS adalah singkatan bagi Acquired Immune Deficiency Syndrome dalam Bahasa Inggeris atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit. Virus yang menyebabkan AIDS dipanggil HIV. HIV memusnahkan sistem ketahanan badan, iaitu kebolehan badan melawan kuman. Bagi seseorang yang menghidapi AIDS, jangkitan dan penyakit yang lazimnya tidak merbahaya boleh mengancam nyawa. Setakat ini belum ada vaksin atau rawatan untuk jangkitan HIV atau AIDS. Oleh itu, pencegahan amatlah penting.

Bagaimana Cara HIV Merebak?

HIV, virus yang menyebabkan AIDS boleh dijangkiti melalui bendalir badan seperti air mani, cecair faraj dan darah. Ini berlaku melalui 3 cara:

1. Melalui hubungan seks tanpa perlindungan dengan seseorang yang telah dijangkiti.
2. Melalui pemindahan darah atau bahan-bahan darah yang tercemar. Ini boleh berlaku semasa penagih dadah berkongsi jarum suntikan.
3. Daripada seorang ibu yang dijangkiti kepada anak yang dikandungnya.

Dalam Masa

3 Minit

Membaca

Mesej

AIDS Ini

Anda

Mungkin

Dapat

Menyelamatkan

Nyawa

Anda.

Apakah Aktiviti-Aktiviti Yang Tidak Boleh Menyebabkan Anda Dijangkiti?

Anda tidak boleh dijangkiti melalui:

- Berpelukan • Bersentuhan
- Berciuman • Bersalaman
- Berenang di kolam renang awam • Bersama-sama dengan orang yang dijangkiti virus AIDS
- Berkongsi alat makanan dan minuman • Menggunting rambut di kedai gunting rambut • Gigitan nyamuk • Di tempat duduk tandas.

Apakah Ujian Untuk Mengesan Jangkitan HIV?

Cara utama untuk mengenal-pasti samada anda dijangkiti oleh HIV adalah dengan ujian darah yang khusus yang dipanggil Ujian Antibody HIV. Sebelum anda mengambil ujian tersebut, amatlah penting bagi anda menerima perkhidmatan kaunseling daripada kaunselor atau doktor yang berkelayakan. Dia akan menasihatkan anda tentang ujian tersebut, di mana anda boleh menjalaninya dan maksud keputusannya kelak.

Bagaimana Anda Dapat Melindungi Diri Anda Daripada AIDS?

Anda Jauhi Seks

Bersifat setia terhadap pasangan anda.

Caraguna kondom yang betul dapat mencegah jangkitan HIV.

Dadah membawa maut. Jangan menyuntik dadah.



Amalkan Cara Hidup Sihat Untuk Mengelakkan AIDS
Diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan dan The HEAL Programme.

